



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

9 NOVEMBER 2021 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

9 NOVEMBER 2021 (SELASA)



Kes tular siakap RM1,196.80

Pemilik restoran diberi 5 hari kemuka penjelasan

KPDNHEP kenakan tindakan jika tiada maklum balas selepas keluarkan notis

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Antipercatutan 2011 kepada peniaga restoran terapung di Langkawi pada Sabtu lalu.

Ketua Pegawai Penguatkuasaan KPDNHEP Kedah, Mohd Shahrhan Mohd Arshad, berkata notis itu perlu dijawab dalam tempoh lima hari iaitu sebelum Khamis ini bagi mengelak sebarang tindakan sekiranya pemilik

restoran berkenaan gagal berbuat demikian.

"Kita beri tempoh lima hari untuk pemilik restoran berkenaan menjawab beberapa perkara dalam notis itu antaranya berkaitan kos ikan siakap, makanan dan apa-apa yang ada dijual di situ.

"Setakat ini kita masih menunggu maklum balas daripada pemilik restoran itu, buat masa sekarang kita tidak boleh kata salah atau tidak, sebaik sahaja kita terima notis itu kita akan analisa setiap kos yang diberikan secara terperinci sama ada berlaku kenaikan harga tidak munasabah atau sebaliknya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, makan tengah hari sekumpulan tujuh pelancong di sebuah restoran terapung di Langkawi dikejutkan dengan harga ikan siakap yang didakwa terlalu mahal.

Berdasarkan satu resit yang dimuat naik seorang pengadu di laman sosial, ikan siakap seberat 7.48 kilogram yang dipesannya

Buat masa sekarang kita tidak boleh kata salah atau tidak, sebaik kita terima notis itu kita akan analisis setiap kos yang diberikan secara terperinci sama ada berlaku kenaikan harga tidak munasabah atau sebaliknya

Mohd Shahrhan Mohd Arshad, Ketua Pegawai Penguatkuasaan KPDNHEP Kedah



berharga RM1,196.80.

Jumlah keseluruhan bil yang dimuat naik pelanggan itu termasuk hidangan makanan dan minuman lain, ialah RM1,759.50 dan tular di media sosial.

Mohd Shahrhan, berkata sehingga kini hanya satu aduan berkaitan diterima pihaknya dan beliau meminta pengguna yang mengalami situasi yang sama terus membuat laporan kepada KPDNHEP.

Jumaat lalu, Pemilik Restoran Terapung Sas Rimba di sini, Norasyikin Musa, menafikan pihaknya mengambil untung berlebihan dan menjelaskan pelanggan terbabit dimaklumkan berkali-kali bahawa saiz ikan itu besar ketika mengambil pesanan.

Malah, beliau dan pekerja akan memaklumkan kepada pelanggan berat ikan dan dikira dalam sukaran gram dan setiap menu ada harga yang jelas.

Malah, katanya ikan siakap yang dipilih itu seberat 7.48 kilogram, berusia 11 tahun dan dipelihara untuk dipertontonkan sebagai tarikan kepada pengunjung restoran berkenaan.

SIAKAP RM1,196.80

KPDNHEP keluar notis bertulis

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Anti Pempacutan 2011 kepada peniaga restoran terapung di Langkawi pada Sabtu lalu.

Ketua Pegawai Penguatkuasaan KPDNHEP Kedah, Mohd Shahrhan Mohd Arshad berkata, notis bertulis itu perlu dijawab dalam tempoh lima hari iaitu sebelum Khamis ini bagi mengelak sebarang tindakan sekiranya pemilik restoran berkenaan gagal berbuat demikian.

"Kita beri tempoh lima hari untuk pemilik restoran menjawab beberapa perkara di dalam notis itu antaranya berkaitan kos ikan siakap, makanan dan apa-apa yang ada dijual di situ.

"Setakat ini kita masih menunggu maklum balas daripada pemilik restoran itu. Buat masa sekarang kita tidak boleh kata salah atau tidak, sebaik sahaja kita terima notis itu kita akan analisis setiap kos yang diberikan secara terperinci sama ada berlakunya kenaikan harga tidak munasabah atau sebaliknya," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, makan tengah hari sekumpulan tujuh pelancong di sebuah restoran terapung di Langkawi dikejutkan dengan harga ikan siakap yang didakwa terlalu mahal.

Berdasarkan satu resit yang dimuat naik seorang pengadu di laman sosial, ikan siakap seberat 7.48 kilogram yang dipesannya berjumlah RM1,196.80.



Buat masa sekarang kita tidak boleh kata salah atau tidak, sebaik sahaja kita terima notis itu kita akan analisis setiap kos yang diberikan secara terperinci"

Mohd Shahrhan Mohd Arshad

Jumlah keseluruhan bil yang dimuat naik pelanggan itu termasuk hidangan makanan dan minuman lain ialah RM1,759.50 dan tular di media sosial.

Mengulas itu sama, Mohd Shahrhan berkata, sehingga kini hanya satu aduan berkaitan diterima pihaknya dan beliau meminta pengguna yang mengalami situasi sama terus membuat laporan kepada KPDNHEP.

"Sekarang kita sedang lancarkan Ops Menu, operasi ini bukan sahaja kita fokus kepada harga pada menu, tetapi juga kepada alat timbangan sama ada alat itu masih sah atau tidak.

"Pada masa sama kita minta aduan terus dilakukan kepada KPDNHEP untuk memudahkan penguatkuasa mendapatkan maklumat terperinci daripada pengguna itu sendiri.

"Sekiranya ditularkan dalam media sosial sahaja maka kita terpaksa mencari individu terbabit menerusi media sosial dan terpaksa menunggu jawapan daripadanya sebelum kita peroleh maklumat lanjut," katanya.

Tidak semua restoran Langkawi harga 'kayangan'

LANGKAWI: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) menganggap isu hidangan siakap harga 'kayangan' di sini tidak boleh dijadikan garis ukuran bagi semua restoran makanan laut di pulau peranginan itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nasaruddin Abdul Muttalib berkata, masih banyak restoran makanan laut yang menghidangkan makanan tersebut dengan harga munasabah.

"Kita nak elakkan orang pukul rata, (dengan mengangap) semua tempat macam itu, itu tidak adillah.

"Tak perlu risau lonjakan harga makan dan sebagainya, masih banyak lagi tempat-tempat yang masih murah dan berpatutan untuk pelancong di Langkawi," katanya apabila ditemui di pejabatnya di Kompleks LADA di sini semalam.

Tambahnya lagi, insiden itu berlaku kerana terdapat masalah komunikasi di antara peniaga dan pelanggan sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati.

Jelasnya, peniaga-peniaga di sini perlu berkomunikasi dengan telus ketika memberitahu harga makanan kepada pelanggan.



NASARUDDIN ABDUL MUTTALIB

Ujarnya, peniaga boleh mengambil iktibar daripada insiden tersebut dengan meningkatkan mutu perkhidmatan mereka terutama dari segi komunikasi dengan pelanggan.

Nasaruddin turut meminta pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk mengeluarkan hasil siasatan dengan segera bagi meredakan keadaan.

Khamis lalu, tular dalam media sosial gambar resit menunjukkan sekumpulan individu terpaksa membayar sebanyak RM1,196 bagi hidangan seekor ikan siakap dengan berat 7.48 kilogram.

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	RM6.49	• Telur Gred A	RM10.90	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM10.99
• Daging Lembu Tempatan	RM34	• Ikan Kembung	RM10.99	• Bawang Besar Holland	RM 2.69	• Kubis Tempatan	RM4
• Daging Lembu Import	RM25	• Minyak Masak	RM6.50	• Bawang Putih	RM5.90	• Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP